

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1998/99

April 1999

JMK 511 - Teori Kesusasteraan Mutakhir: Perspektif Perbandingan

Masa : [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum memulakan peperiksaan ini.
 - Pilih dan jawab mana-mana TIGA soalan sahaja. Mulakan jawapan bagi soalan berlainan pada halaman yang baru.
 - Sila serahkan KESELURUHAN kertas soalan ini kepada Ketua Pengawas tanpa menceraikan mana-mana bahagian.
 - Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.
-

1. Jelaskan: (a) idea-idea manakah dalam pegangan Aliran Strukturalis (sebagai salah satu aliran dalam bidang Kritikan Sastera Moden) telah "dipinjam" daripada Linguistik Struktural; dan (b) bagaimanakah pula Aliran Strukturalis ini "berkesinambungan" dengan Aliran Dekonstruksi.
(100 markah)
2. Merujuk kepada hujah-hujah yang diutarakan oleh Roland Barthes dalam makalahnya "The Author is Dead", (a) bincangkan tentang kesesuaian pendekatan Pasca Struktural tersebut dalam penelitian sesebuah novel Nusantara moden yang pengarangnya "masih hidup"; dan (b) huraikan strategi analisis atau kritikan yang anda perlu ambil apabila berhadapan dengan keadaan seperti ini.
(100 markah)
3. Merujuk kepada Aliran 'Kritikan Berorientasikan Pembaca', (a) jelaskan andaian-andaian utama pegangan Kritikan Dialogik, khasnya sebagaimana yang diutarakan oleh Hans Georg Gadamer, dan (b) terapkan sebahagian daripada andaian-andaian tersebut dalam apresiasi atau penilaian anda terhadap mana-mana karya fiksiyen Nusantara yang telah anda baca.
(100 markah)
4. Merujuk kepada Aliran Kritikan 'Hermeneutiks' atau 'Hermeneutika', (a) jelaskan tentang andaian-andaian utamanya, dan (b) tunjukkan kesesuaiannya sebagai suatu 'peralatan kritikan' (*critical apparatus*) bagi menangani sesebuah karya fiksiyen moden.
(100 markah)
5. Merujuk kepada Aliran Kritikan Feminis, (a) huraikan tentang andaian-andaiannya yang utama, dan (b) tunjukkan di manakah letaknya perbezaan yang paling ketara di antara Aliran Feminisme Eropah dan Aliran Feminisme Amerika Syarikat.
(100 markah)

ooo00ooo